

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [ PARIT  
BUNTAR ]**

**TARIKH : 30 MAC 2015 [ ISNIN ]**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan tegas yang diambil ke atas pengusaha kilang memproses sawit yang mencemarkan alam sekitar.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan dan pengoperasian kilang kelapa sawit adalah tertakluk di bawah kawalan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan di bawahnya iaitu Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Minyak Kelapa Sawit Mentah)1977. Kilang pemprosesan kelapa sawit mentah ini dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi tujuan kawalan pelepasan efluen dan udara bagi mematuhi standard pelepasan yang ditetapkan. Sekiranya terdapat kegagalan dalam mematuhi syarat lesen, pihak premis boleh dikenakan tindakan pembatalan atau penggantungan lesen daripada pengoperasiannya manakala di bawah Seksyen 16, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, pengusaha kilang kepala sawit berkeenaan boleh dikenakan tindakan mahkamah dan didenda tidak melebihi RM 25,000. Jabatan Alam Sekitar menjalankan penguatkuasaan yang berterusan bagi memastikan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI  
ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]**

**TARIKH : 30 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7577**

**SOALAN:**

**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil Kementerian terhadap sebuah madrasah di Kedah yang telah disiarkan oleh '*The New York Post*' dalam bentuk video dan temuramah yang digambarkan sebagai menyokong kegiatan Malaysia untuk menyertai perang di Syria atas nama 'jihad'.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Semua pihak harus faham dan sedar akan pendirian Kerajaan bahawa Kerajaan Malaysia tidak pernah sekali-kali menyokong sebarang kegiatan rakyatnya yang bertindak menyertai perang di Syria. Sehubungan itu, Kerajaan memandang serius terhadap liputan yang telah dibuat oleh '*The New York Post*' kononnya sebuah madrasah di Kedah menyokong perjuangan untuk menyertai perang di Syria.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Berdasarkan siasatan yang telah dilakukan oleh pihak polis, ternyata tidak terdapat tanda-tanda bahawa madrasah tersebut terlibat dengan penyebaran fahaman militan sepertimana yang didakwa oleh liputan yang telah dibuat oleh "*The New York Post*". Walau bagaimanapun, pihak polis dari semasa ke semasa terus membuat pemantauan secara berterusan ke atas bukan sahaja madrasah, bahkan terhadap mana-mana pusat pengajian atau organisasi yang wujud di negara ini.**